

Menentukan kiblat berpandu mentari

Peristiwa Istiwa' utama matahari bakal berlaku di Malaysia esok dan 16 Julai

>>Oleh Kusyi Hirdan
kusyihirdan@gmail.com

LMU mengesan arah kiblat harus diketahui dan tidak patut dipandang ringan masyarakat Islam.


Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Falak, Jabatan Mufti Selangor, Jasslan Ali berkata, menghadap kiblat adalah perintah Allah kepada umat-Nya.

"Arah qiblat adalah arah yang dihadap umat Islam iaitu Kaabah ketika mengerjakan ibadah solat dan perkara yang disunat menghadap ke arahnya.

"Ahli falak menafsirkan arah kiblat adalah arah ke Kaabah yang terdekat di bumi. Sesuai dengan firman Allah yang bermaksud: "Dan dari mana saja kamu keluar (datang), Maka palingkanlah wajahmu ke arah Masjidil Haram..." (Al-Baqarah: 149)," katanya.

Beliau berkata, terdapat empat hukum berkaitan menghadap kiblat iaitu wajib bagi menunaikan solat fardu, sunat, meletakkan kedudukan jenazah dan sujud syukur, sunat bagi membaca al-Quran, berdoa, berzikir dan tidur mengiring dan haram menghadap kiblat bagi membuang air besar atau kecil.

Makruh hukumnya mem-



Info

Tahun ini rakyat negara ini berpeluang menyaksikan gerhana bulan penuh yang berlaku dua kali tahun ini iaitu pada 16 Jun 2011 (Khamis) bermula jam 2.22 pagi dan 10 Disember 2011 (Sabtu) bermula jam 8.45 malam.

Di Selangor satu program akan diadakan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Antara pengingisannya orang ramai boleh meneropong dan melihat gerhana menerusi teleskop serta solat sunat gerhana.

Terdapat tiga jenis gerhana bulan iaitu:

- Gerhana Bulan Penuh
- Gerhana Bulan Separuh
- Gerhana Bulan Penumbra

Gerhana Bulan berlaku apabila bumi berada pada sesatah dengan garisan bulan dengan matahari ketika berlakunya fasa purnama.

Pada masa ini cahaya matahari yang selalunya sampai sepenuhnya ke bulan terhalang oleh bumi.

Gerhana Bulan Penuh berlaku apabila keseluruhan bulatan bulan memasuki kawasan bayangan umbra bumi. Pada masa ini, kita dapat lihat bayang bumi pada bulan berkenaan.

di tempat masing-masing seperti di rumah, pejabat dan tanah perkuburan Islam dengan hanya berpandukan matahari.


Kaedah ini dinamakan Istiwa' Utama Matahari di Kaa'bah atau Istiwa' adzam iaitu matahari akan berada di titik zenith ketika Istiwa'.

"Peristiwa ini berlaku dua kali setahun iaitu pada 28 Mei jam 5.16 petang dan 16 Julai jam 5.28 petang di Malaysia (termasuk Sabah dan Sarawak) apabila nilai sudut Istiwa' matahari bersamaan dengan nilai latitud Makkah tempat letaknya Kaabah.

"Apabila Istiwa' Utama Matahari berlaku, banyak objek tegak di tempat lain akan menunjukkan arah ke Kaabah. Fenomena ini merupakan kaedah tradisional falak untuk menyemak dan menentukan arah kiblat di tempat lain di muka bumi ini," katanya.

Panduan membuat semakan arah kiblat

- Dirikan satu objek tegak dan lurus (seperti tiang) di tanah lapang. Jika di rumah, boleh rujuk pada bingkai tingkap yang tegak (yang boleh menerima cahaya matahari).
- Semak dan betulkan jam masing-masing. Ini penting



JASLAN...tiga kaedah menghadap kiblat.

belakangkan kiblat dalam sebarang perbuatan seperti membuang air besar atau kecil dalam keadaan tandas berdinging, tidur menelentang dan kaki selunjur ke arah kiblat.

“Ulama sependapat bahawa menghadap arah kiblat merupakan salah satu syarat sah solat. Bagi mazhab Syafie, terdapat tiga kaedah berhubung syarat sah menghadap kiblat iaitu kaedah kiblat Yakin untuk keadaan di mana orang yang berada di dalam Masjidil Haram, wajib menghadapnya dengan yakin (melihat) atau

pengetahuannya (orang yang cacat penglihatan) atau dengan cara lain yang boleh dipastikan, asalkan ada keyakinan.

“Kedua, kaedah kiblat Zonni, untuk yang berada jauh dari Masjidil Haram hendaklah menghadap ke arah masjid secara ‘Zonni’ melalui pertanyaan kepada mereka yang berpengetahuan seperti penduduk Makkah.

“Kaedah ketiga ialah Ijtihad untuk seseorang yang berada di luar Makkah (seperti Malaysia) hendaklah menghadap ke arah Tanah Suci dengan tujuan menghadap Masjidil Haram atau Kaabah,” katanya.

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: Daripada Abu Hurairah r.a.: “Di antara timur dan barat terletaknya kiblat.” (Riwayat at-Tarmizi dan Ibnu Majah)

Kata Jaslan, terdapat pelbagai kaedah boleh digunakan bagi menentukan arah kiblat sama ada secara moden atau tradisional.

Bagi umat Islam di Malaysia, terdapat kaedah tradisional yang boleh dipraktikkan

kerana kita terdapat pelbagai versi yang berbeza, jadi untuk menyelaraskan waktu, boleh hubungi di talian 1051.

- Tempoh masa untuk menyemak adalah dua minit sebelum dan dua minit selepas dari masa yang ditetapkan. Sebagai contoh pada 28 Mei jam 5.16 petang, umat Islam boleh mulai menyemak pada jam 5.14 petang sehingga 5.18 petang. Manakala pada 16 Julai jam 5.28 petang, umat Islam boleh mulai menyemak pada jam 5.26 petang sehingga 5.30 petang.

- Apabila bayang sesuatu objek tegak dan lurus kelihatan di lantai atau di tanah lapang, kita perlu mengambil hujung bayang dan menghadap ke pangkal tiang maka itulah arah ke Kaabah.

Selepas semakan dibuat dan jika terdapat sebarang kesilapan, sila betulkan mengikut arah yang betul atau hubungi Jabatan Mufti Negeri Selangor, Bahagian Falak di talian 03-55143717/3718/3720/3547.